

06/08/1997

Saya cuba dedahkan masalah artis: Ismail

Rosidi Daud

PRESIDEN Seniman Datuk Ismail Hutson, berkata tujuan beliau membangkitkan isu yang dianggap remeh oleh sesetengah pihak pada Malam Seniman 23 Tahun, Ahad lalu adalah untuk pengetahuan umum, lebih-lebih lagi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Masalah ini memang dihadapi oleh ahli persatuan. Mungkin remeh bagi sesetengah orang, tapi sejak mengambil alih pucuk pimpinan lapan bulan lalu, inilah masalah utama yang kami hadapi," jelas Ismail kepada Pusparia, semalam.

Ismail menggariskan beberapa masalah dalam ucapan aluannya pada majlis berkenaan yang diserikan oleh Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Antara hadirin termasuk bintang veteran yang didatangkan khas dari Singapura.

"Tidak ada perkara yang hendak disembunyikan."

"Apa yang saya ucapkan tempoh hari datang dari sanubari. Saya tidak tidur selama dua hari dua malam bagi mengendalikan majlis berkenaan," katanya lagi.

Pada majlis itu, beliau menyelar penerbit filem yang menipu pelakon mereka, karyawan filem yang ingkar menjadi ahli Seniman dan juga jabatan agama sewenang-wenangnya mendedahkan nama artis yang mendapat perkhidmatan kaunseling.

"Perkara ini memang berlaku. Baru-baru ini seorang artis pergi mendapatkan khidmat kaunseling dari pejabat agama kerana masalah peribadi.

"Tindakan mereka menakutkan artis yang menghadapi masalah yang sama. Siapa mahu soal rumah tangga menjadi bahan bacaan dan bualan orang ramai," kata presiden itu lagi.

Mengenai perkampungan Seniman, walaupun tidak pernah membuahkan hasil, Ismail masih membangkitkannya pada majlis berkenaan.

"Ini projek Seniman. Saya mahukan ia menjadi kenyataan. Ia terpaksa dilakukan secara berperingkat. Saya akan menemui sendiri kerajaan negeri Selangor dan negeri Sembilan untuk memohon tanah yang sesuai.

"Proses ini memerlukan masa yang lama, lebih kurang tiga bulan," katanya lagi.

Apabila tanah diperolehi, perkampungan ini akan menjadi kenyataan dalam masa tiga atau empat tahun lagi.

"Mungkin kita akan menggunakan teknologi dan kepakaran luar untuk membina studio di perkampungan itu kerana kita sendiri kekurangan tenaga kerja mahir. Studio ini untuk generasi akan datang," katanya lagi.

Ismail juga mengulas mengenai ketidakhadiran dua ahli Seniman, Azean Irdawaty (Penolong setiausaha kehormat selaku setiausaha kerja majlis itu) dan Didie Alias (ahli jawatankuasa) pada malam berkenaan.

(END)